

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK LARRY SOON @ LARRY SNG WEI SHIEN [ JULAU ]**

**SOALAN**

**Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [ Julau ] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan adakah terdapat perancangan untuk memindah, menaiktaraf atau memperbesarkan lagi Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching, Sarawak.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, Kementerian Pengangkutan (MOT) telah mengemukakan cadangan kepada Kementerian Ekonomi (KE) untuk menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching (KIA) bagi tujuan meningkatkan kapasiti penumpang daripada 5 juta penumpang setahun (*millions passengers per annum - mppa*) kepada 7.7 mppa di bawah Rolling Plan ke-5 (RP5), Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12).
2. Berdasarkan penelitian yang dibuat bersama pihak Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB), antara skop-skop kerja yang dicadangkan di bawah projek ini termasuk cadangan untuk menaik taraf bangunan terminal dan kawasan pemprosesan imigresen, pemasangan *pre-security e-gate* (2 unit di kawasan antarabangsa dan 3 unit di kawasan domestik), menaik taraf ruang pejabat keselamatan MAHB dan surau, serta memasang *Inline Handling Baggage System* (ILHBS) yang baharu.

Sekian, terima kasih.